

Soalan No:45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 27.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai nama sekolah di mana mesyuarat PIBG dirasmikan oleh pimpinan UMNO. Apakah tindakan Kementerian dalam memastikan sekolah tidak diperalatkan oleh mana-mana parti politik sebagaimana kehendak pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut memerlukan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah berfokus kepada kebajikan dan kemajuan murid-murid di sekolah. Pada masa yang sama, KPM sentiasa mengalu-

alukan sebarang kerjasama pihak luar termasuklah dalam pemberian sumbangan kepada pihak sekolah tanpa melibatkan sebarang unsur politik dan kepentingan individu tertentu tertakluk kepada perundangan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

KPM sentiasa memastikan semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan. Semua penjawat awam warga pendidikan perlu memberi taat setia yang tidak berbelah bagi pada setiap masa dan ketika kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan yang memerintah sebagaimana yang tercatat dalam Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999.

RJM69